

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	21 OCTOBER 2016

Bajet 2017 komitmen kerajaan jana ekonomi

BH - 21/10/2016

➔ Peruntukan tahunan pastikan janji kepada rakyat dipenuhi

**Oleh Luqman Arif
Abdul Karim**
luqman.arif@bh.com.my

▮ Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak menyangkal Bajet 2017 adalah peruntukan untuk meraih agenda politik jangka pendek dalam menempuh Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Perdana Menteri, sebaliknya menyifatkan peruntukan yang akan dibentangi di Parlimen hari ini, sebagai 'bajet komitmen' untuk terus memacu pertumbuhan ekonomi, sekali gus menjana manfaat pelbagai pihak.

"Segelintir pihak mungkin akan mengutamakan agenda meraih kepentingan politik jangka pendek dulu, namun kerajaan ini tidak akan berbuat demikian.

"Kita komited untuk memastikan asas ekonomi negara terus kukuh dan berdaya saing, termasuk merangka dasar untuk me-

ngurangkan defisit, melonjak aktiviti ekonomi dan memastikan keupayaan sistem kewangan.

"Kerajaan juga terus komited untuk menguruskan perbelanjaan secara berhemah dan kreatif demi menjamin kualiti perkhidmatan kepada rakyat.

Penuhi janji kepada rakyat

"Bajet yang komprehensif ini akan memastikan setiap janji kerajaan kepada rakyat sentiasa dipenuhi," katanya menerusi kenyataan dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri, semalam.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, pertumbuhan ekonomi Malaysia ketika ini berkembang antara 4 dan 4.5 peratus, meskipun pertumbuhan ekonomi negara maju diunjurkan hanya 1.6 peratus.

Berdepan ketidakpastian persekitaran global, beliau berkata, pendekatan dilaksanakan dalam bajet dibentangi kerajaan tahun lalu membantu memastikan ekonomi



Najib memasukkan teks ucapan Bajet 2017 ke dalam beg ketika meninjau persiapan akhir Bajet 2017 di Kementerian Kewangan, malam tadi.

Info

Fokus Bajet 2017

- ➔ **Meningkatkan** pendapatan boleh guna rakyat.
- ➔ **Menggalakkan** latihan dan penguatkuasaan kualiti keusahawanan.
- ➔ **Menangani** peningkatan kos hidup rakyat.
- ➔ **Menyediakan** lebih banyak rumah mampu milik.
- ➔ **Memperuntukkan** dana penyelenggaraan rumah.
- ➔ **Pendekatan** sektor pendidikan yang bersesuaian.
- ➔ **Peruntukan** perkhidmatan kesihatan.

negara kekal kukuh dan terus berkembang.

"Kita mempunyai pelan dan ia ternyata berjalan lancar, justeru kerajaan akan terus memastikan petunjuk ekonomi seperti tahap inflasi, kadar pertumbuhan serta kadar hutang kekal kukuh, sekali gus mencerminkan kekuatan asas ekonomi negara.

Kedudukan lebih baik

"Walaupun kita terpaksa menghadapi tekanan fiskal, kadar inflasi negara kekal rendah dan kedudukan rakyat Malaysia hari ini lebih baik berbanding tahun lalu.

"Situasi ini membuktikan bahawa Malaysia ketika ini adalah negara berpendapatan sederhana tinggi," katanya.

Sehubungan itu, Najib menyuarakan komitmen kerajaan akan terus mengotakan janjinya kepada rakyat secara adil dan menyeluruh, malah analisis menunjukkan ekonomi negara akan terus berkembang pada kadar menjangkau

lima peratus pada 2017.

Katanya, dalam masa sama dasar bersesuaian untuk menangani perubahan struktur jangka panjang perlu dirangka, selain meningkatkan usaha membantu golongan berpendapatan isi rumah 40 peratus bawah (B40) dan M40. "Fokus kita adalah ekonomi rakyat dan ekonomi awam, iaitu menepati matlamat menjamin kebahagiaan serta kebajikan seluruh masyarakat.

"Aspek lain yang akan turut diberi perhatian adalah infrastruktur, pembangunan, sumber manusia, latihan, pengangkutan awam dan kesihatan serta insentif fiskal untuk perusahaan kecil dan sederhana.

"Secara rangkuman, keselamatan rakyat Malaysia kekal menjadi keutamaan saya yang paling besar, justeru kita akan gandakan usaha dan memperuntukkan lebih banyak sumber untuk memerangi ekstremisme dan jenayah," katanya.